



006-Pengaruh Tiktok Terhadap Toleransi Politik dalam Kalangan Orang Muda di Malaysia

***Mohamad Afzanizzam Zahran**

Pusat Pengajian Generik
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai

Mohd Azmir Mohd Nizah

Pusat Pengajian Generik
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai

*E-mel: ramadhan3@gmail.com

ABSTRAK

Dewasa ini aplikasi media sosial TikTok semakin menjadi pilihan masyarakat terutamanya golongan muda dalam mendapatkan maklumat semasa. Dapatan kajian menunjukkan jumlah pengguna TikTok di Malaysia pada awal tahun 2022 adalah seramai 14.59 juta yang merangkumi pengguna berusia 18 tahun ke atas. Pengaruh TikTok yang besar digunakan sebaik mungkin oleh pelbagai pihak termasuk parti politik bagi memenuhi agenda mereka. Melihat kepada perkembangan semasa, media sosial kini juga digunakan bagi tujuan toleransi politik. Makalah ini akan melihat bagaimana TikTok diguna pakai bagi tujuan tersebut terutamanya dalam kalangan orang muda. Kajian yang dilakukan akan menggunakan kaedah analisis kandungan ke atas kandungan video di dalam akaun TikTok ahli politik, aktivis, ahli akademik, artis dan mahasiswa yang berkaitan dengan toleransi politik bagi tempoh mulai 1 Januari hingga 30 Jun 2022. Hasil tinjauan awal ini diharap dapat membantu pihak-pihak yang berkepentingan dalam merangka strategi untuk meningkatkan lagi toleransi politik dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Kata Kunci: Media sosial, TikTok, toleransi politik, golongan muda

PENGENALAN

Perkembangan teknologi dan media massa kini banyak mempengaruhi dan memberi kesan kepada gaya hidup masyarakat. Kewujudan media baharu terutamanya rangkaian media sosial yang pelbagai seperti Facebook, Instagram, TikTok, Twitter dan sebagainya telah menjadikan pencarian dan perkongsian maklumat dalam kalangan masyarakat telah berubah daripada medium konvensional kepada digital.

Media sosial kini menjadi pilihan untuk membina perhubungan di alam maya. Ia juga digunakan untuk pencarian, penyebaran dan perkongsian maklumat yang bersifat rencam



termasuklah isu seperti toleransi. Toleransi bermaksud kesanggupan secara suka rela untuk menerima perbezaan pendapat, fahaman ataupun perlakuan. Ia juga berkaitan dengan kesediaan untuk memberi ruang kepada kumpulan atau fahaman yang tidak disukai iaitu termasuklah kesaksamaan jantina, etnik, perundangan, sosial dan politik (Mohd Nizah et al., 2021). Menurut Schwartz et al (1984), toleransi politik pula boleh difahami sebagai kesediaan untuk membenarkan ekspresi idea atau kepentingan yang ditentang oleh seseorang. Selain itu, sarjana terdahulu juga mendapati toleransi politik mempunyai hubungan kait dengan proses pendemokrasian yang melahirkan masyarakat yang toleran dan menjadi asas pembinaan sesebuah negara bangsa.

Statistik Digital 2022 menunjukkan bahawa rakyat Malaysia menggunakan 15 platform media sosial yang berbeza untuk memenuhi pelbagai tujuan mereka. Daripada keseluruhan platform media sosial tersebut, Whatsapp merupakan platform media sosial yang paling banyak digunakan (93.2%) diikuti oleh Facebook (88.7%) dan Instagram (78.3%). Sebanyak 53.8% pengguna pula menggunakan aplikasi TikTok yang merupakan yang keenam paling banyak digunakan. (Digital 2022: Malaysia — DataReportal – Global Digital Insights, 2022). Laporan yang sama turut menyatakan bahawa jumlah pengguna TikTok di Malaysia pada Januari 2022 adalah seramai 14.59 juta orang merangkumi pengguna berusia 18 tahun ke atas. Ini memberikan indikasi bahawa media sosial tidak boleh lagi diabaikan dalam agenda harian kehidupan peribadi dan pendapat politik rakyat (Dilon, 2020).

Berdasarkan statistik yang telah dinyatakan, ia membuktikan bahawa media sosial menjadi pilihan utama rakyat Malaysia terutamanya orang muda dalam melakukan perhubungan, pencarian dan perkongsian maklumat. Maka kajian ini secara khusus ingin mengkaji sama ada aplikasi TikTok mempunyai pengaruh terhadap isu toleransi politik dalam kalangan orang muda di Malaysia atau sebaliknya.

METODOLOGI

Sepuluh akaun TikTok telah dipilih secara khusus sebagai sampel bagi kajian ini yang terdiri daripada lima kumpulan yang mempunyai latar belakang profesion yang berbeza iaitu ahli politik, aktivis, ahli akademik, artis dan mahasiswa. Setiap profesion akan diwakili oleh dua sampel (rujuk Rajah 1). Justifikasi pemilihan individu-individu di atas adalah berdasarkan jawatan dan keterlibatan mereka dalam isu-isu semasa yang bersifat lokal, nasional dan antarabangsa. Kajian isi kandungan video di dalam akaun TikTok sampel akan melihat kepada elemen atau isu yang dimuatkan di dalam video tersebut, bilangan tanda suka (*like*) dan bilangan komentar yang diterima.



Bil	Kumpulan	Nama	Profesion/Jawatan
1.	Ahli Politik	YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman	Ahli Parlimen Muar dan Presiden Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA)
2.		YB Wan Ahmad Fahysal Wan Ahmad Kamal	Senator Dewan Negara, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Ketua ARMADA Parti Peribumi Bersatu Malaysia (BERSATU)
3.	Aktivis	Thomas Fann	Pengerusi Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH 2.0)
4.		Muhammad Faisal Abdul Aziz	Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
5.	Ahli Akademik	Prof. Datuk Dr. Shamrahayu Abdul Aziz	Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Penyanggah Kursi Institusi Raja-Raja Melayu Universiti Teknologi MARA (UiTM)
6.		Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian	Pensyarah Sosiologi Politik Universiti Sains Malaysia (USM) dan Ahli Pemikir Kementerian Perpaduan Negara
7.	Artis	Faizal Tahir	Penyanyi, komposer dan penerbit
8.		Harith Iskandar	Pelakon dan pelawak
9.	Mahasiswa	Muhammad Aliff Naif Mohd Fizam	Aktivis pelajar dan Presiden Kesatuan Mahasiswa UIAM
10.		Muhammad Noraiman Zulkifli	Aktivis pelajar dan Eksekutif Umum Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM)

Rajah 1: Senarai Pemilik Akaun TikTok

HASIL DAN PERBINCANGAN

Kajian ke atas isi kandungan klip video yang dimuat naik oleh sepuluh pemilik akaun TikTok yang dipilih bagi tempoh 1 Januari sehingga 30 Jun 2022 (enam bulan) melihat kepada bilangan pengikut (*follower*), jumlah video yang telah dimuat naik, jumlah tanda suka (*like*) dan komentar yang diterima dan tema yang diketengahkan di dalam video tersebut (rujuk Rajah 2).

Bil	Pemilik Akaun	Bilangan Pengikut (<i>Follower</i>)	Bilangan Video dimuat naik	Bilangan Video Berkaitan dengan Toleransi Politik	Bilangan Tanda Suka (<i>Like</i>)	Bilangan Komentar
1.	YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman	787700	70	13	270796	13595

i-STET2022
SEMINAR ANTARABANGSA FALSAFAH, TAMADUN, ETIKA DAN TURATH ISLAMI
"Melestari Turath, Memartabat Falsafah, Memacu Peradaban"
 19 OKTOBER 2022 DALAM TALIAN

2.	YB Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal	21000	144	34	11199	1368
3.	Thomas Fann	64	3	3	2240	1
4.	Muhammad Faisal Abdul Aziz	1166	56	14	1028	174
5.	Prof. Datuk Dr. Shamrahayu Abdul Aziz	350	48	9	166	26
6.	Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian	32	3	0	0	0
7.	Faizal Tahir	567600	45	4	27226	246
8.	Harith Iskandar	495900	37	5	404240	5407
9.	Muhammad Aliff Naif Mohd Fizam	10	0	0	0	0
10.	Muhammad Noraiman Zulkifli	381	0	0	0	0
JUMLAH		1874203	406	82	716895	20816

Rajah 2: Maklumat Isi Kandungan Akaun TikTok Bagi Tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2022

Berdasarkan perincian seperti di Rajah 2, sebanyak 406 klip video telah dimuat naik oleh 10 pemilik akaun sepanjang tempoh 1 Januari sehingga 30 Jun 2022. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 82 klip video (20.2%) adalah berkaitan dengan toleransi politik. Kajian juga mendapati sepanjang tempoh 1 Januari sehingga 30 Jun 2022, terdapat tiga (3) pemilik akaun yang tidak memuat naik sebarang klip video berkaitan dengan toleransi politik iaitu Prof. Madya Sivamurugan Pandian, Muhammad Aliff Naif Mohd Fizam dan Muhammad Noraiman Zulkifli.

Pelakon dan pelawak Harith Iskandar memperoleh bilangan tanda suka (*like*) yang tertinggi bagi perkongsian videonya iaitu sebanyak 404,240 dan yang terendah ialah Prof. Madya Sivamurugan Pandian, Muhammad Aliff Naif Mohd Fizam dan Muhammad Noraiman Zulkifli yang tidak memperoleh tanda suka disebabkan tiada sebarang video yang dimuat naik dalam tempoh tersebut. Kajian juga mendapati YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mempunyai bilangan pengikut yang paling ramai sebanyak 787,700 manakala Muhammad Aliff Naif Mohd Fizam mempunyai bilangan pengikut yang paling sedikit iaitu 10.

i-STET2022

SEMINAR ANTARABANGSA FALSAFAH, TAMADUN, ETIKA DAN TURATH ISLAMI

"Melestari Turath, Memartabat Falsafah, Memacu Peradaban"

19 OKTOBER 2022 DALAM TALIAN

Bil	Tema	Isi Kandungan Klip Video	Bilangan Video	Peratus (%)
1.	Kenegaraan	Perjuangan bangsa Melayu dan isu asabiyah.	1	1.22
2.	Perlembagaan Persekutuan/Parlimen	Ulasan dan pandangan ke atas peruntukan Bahasa Melayu, Undang-Undang Islam dan Raja-Raja Melayu dan isu Ketuanan Melayu.	17	20.7
3.	Hak Asasi Manusia	Mengandungi isu pilihan raya negeri Johor, gesaan orang muda untuk keluar/pulang mengundi, isu undi 18, isu lompat parti, isu pendidikan, hak penduduk Asal, isu basikal lajak, isu hem dan marijuana bagi tujuan perubatan, kebajikan nelayan, gaji minimum, peranan anak muda dan gerakan mahasiswa.	39	47.6
4.	Perpaduan	Memaparkan sambutan perayaan yang dihadiri oleh pelbagai kaum seperti Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina. Turut mengandungi kerjasama antara parti politik Perikatan Nasional.	14	17.1
5.	Rasuah	Memaparkan gesaan menghapuskan rasuah dalam kalangan ahli politik, calon pilihan raya dan masyarakat.	2	2.44
6.	Ekonomi	Membincangkan krisis makanan yang dihadapi negara, isu keselamatan makanan (<i>food security</i>) dan keadaan semasa ekonomi dunia.	2	2.44
7.	Sukarelawan dan Kemanusiaan	Gerakan membantu mangsa banjir, aktiviti sukarelawan di rumah	7	8.5

<p style="text-align: center;">i-STET2022 SEMINAR ANTARABANGSA FALSAFAH, TAMADUN, ETIKA DAN TURATH ISLAMI <i>"Melestari Turath, Memartabat Falsafah, Memacu Peradaban"</i> 19 OKTOBER 2022 DALAM TALIAN</p>			
		orang-orang tua dan usaha memperkasakan Kawasan Rukun Tetangga (KRT).	
JUMLAH			100

Rajah 3: Tema Berkaitan dengan Toleransi Politik yang Dimuat Naik

Sebanyak 82 klip video yang berkaitan dengan toleransi politik telah dimuat naik oleh pemilik akaun sepanjang tempoh pemerhatian. Isi kandungan klip video tersebut boleh dikelaskan kepada tujuh (7) tema iaitu Kenegaraan, Perlembagaan Persekutuan/Parlimen, Hak Asasi Manusia, Perpaduan, Rasuah, Ekonomi dan Sukarelawan/Kemanusiaan.

Tema Kenegaraan memaparkan isu Perjuangan bangsa Melayu dan isu asabiyah. Tema Perlembagaan Persekutuan/Parlimen membincangkan isu ulasan dan pandangan ke atas peruntukan Bahasa Melayu, Undang-Undang Islam dan Raja-Raja Melayu dan isu Ketuanan Melayu. Manakala tema Hak Asasi Manusia menyentuh tentang isu pilihan raya negeri Johor, gesaan orang muda untuk keluar/pulang mengundi, isu undi 18, isu lompat parti, isu pendidikan, hak penduduk Asal, isu basikal lajak, isu hem dan marijuana bagi tujuan perubatan, kebajikan nelayan, gaji minimum, peranan anak muda dan gerakan mahasiswa. Tema Perpaduan pula memaparkan sambutan perayaan yang dihadiri oleh pelbagai kaum seperti Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina. Terdapat juga kerjasama antara parti politik dalam gabungan Perikatan Nasional. Tema Rasuah memaparkan gesaan untuk menghapuskan rasuah dalam kalangan ahli politik, calon pilihan raya dan masyarakat. Tema Ekonomi menyentuh krisis makanan yang dihadapi negara, isu keselamatan makanan (*food security*) dan keadaan semasa ekonomi dunia dan tema terakhir iaitu Sukarelawan/Kemanusiaan menyentuh tentang gerakan membantu mangsa banjir, aktiviti sukarelawan di rumah orang-orang tua dan usaha memperkasakan Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

Bagi pecahan klip video dan peratusan bagi setiap tema, tema Kenegaraan satu (1) video (1.22%), Perlembagaan Persekutuan/Parlimen 17 video (20.7%), Hak Asasi Manusia 39 video (47.6%), Perpaduan 14 video (17.1%), Rasuah dua (2) video (2.44%), Ekonomi dua (2) video (2.44%) dan Sukarelawan/Kemanusiaan tujuh (7) video (8.5%). Berdasarkan Rajah 3, ia menunjukkan klip video di bawah tema Hak Asasi Manusia adalah yang paling banyak dimuat naik manakala yang paling sedikit adalah tema Kenegaraan.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, penggunaan media sosial TikTok sebagai medium penyampaian dan perkongsian maklumat berkaitan dengan isu toleransi politik adalah rendah. Ini selari dengan Statistik Digital 2022 yang meletakkan TikTok di tangga keenam paling banyak digunakan di negara ini. Ini berkemungkinan disebabkan faktor kewujudan platform media sosial lain yang lebih awal muncul seperti Facebook dan Instagram yang kedua-duanya juga memiliki pelbagai fungsi termasuklah perkongsian video. Selain itu, kajian terdahulu mengenai pengaruh TikTok dalam kalangan generasi muda mendapati ia banyak digunakan bagi tujuan pengiklanan produk dan perkhidmatan. TikTok menggalakkan pengguna



menghasilkan dan memuat naik video pendek antara 15 hingga 60 saat, memberi peluang kepada semua orang untuk menikmati “15 saat kemasyhuran” mereka sendiri (Green et al., 2022). Disebabkan itu, isi kandungan atau ‘konten’ dalam kebanyakan klip video yang dikongsi oleh majoriti generasi muda lebih banyak berlegar dalam kerangka sesuatu yang kurang serius seperti jenaka, luahan emosi, populariti dan sebagainya. Sebaliknya isu toleransi politik merupakan isu yang serius yang memerlukan pemahaman dan penghayatan. Kajian lanjut berkaitan dengan penggunaan TikTok sebagai kaedah menyemai semangat toleransi dalam kalangan masyarakat amnya dan orang muda di Malaysia khasnya adalah disarankan.

RUJUKAN

- Digital 2022: Malaysia — DataReportal – Global Digital Insights.* (2022). <https://datareportal.com/reports/digital-2022-malaysia>
- Dilon, C. (2020). *Tiktok Influences on Teenagers and Young Adults Students: The Common Usages of The Application Tiktok.* <http://asrjetsjournal.org/>
- Green, D., Polk, X. L., Arnold, J., Chester, C., & Matthews, J. (2022). The Rise Of TikTok: A Case Study Of The New Social Media Giant. *Case Study Management and Economics Research Journal*, 1(1), 1–6. <https://doi.org/10.18639/MERJ.2022.9900063>
- Mohd Nizah, M. A., Abu Bakar, A. R., & Abdul Azzis, M. S. (2021). Model Bersepadu Toleransi Politik. *3rd Invention, Innovation and Technology Competition (ITeC)*, 8(October), 33–38.
- Schwartz, M. A., Sullivan, J. L., Pierson, J., & Marcus, G. E. (1984). Political Tolerance and American Democracy. *Contemporary Sociology*, 13(2), 213. <https://doi.org/10.2307/2068925>